

29/05/1999

Kadar celik IT perlu ditingkat

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Usaha mengubah corak pemikiran rakyat dan institusi untuk menggunakan teknologi maklumat secara efektif akan dipertingkatkan bagi melahirkan masyarakat celik elektronik, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, usaha merealisasikan masyarakat elektronik itu akan diketuai agensi pusat termasuk kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu).

"Kita berpendapat, sekiranya kita hendak menjayakan e-Malaysia maka perubahan sikap masyarakat dalam bidang teknologi maklumat (IT) adalah penting.

"Ini bermakna kita perlu meningkatkan kadar celik elektronik ke tahap lebih tinggi yang akan dilaksanakan oleh agensi pusat dengan kerjasama swasta," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pelaksanaan Teras Strategik (STIC) di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, serta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

STIC dibentuk pada mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) Mac lalu, untuk memberi tumpuan kepada pelaksanaan lima kumpulan kerja agenda strategik iaitu e-pendidikan, e-ekonomi, e-komuniti, e-perkhidmatan awam dan e- kedaulatan.

Abdullah berkata, Kementerian Pendidikan pula akan melahirkan suasana baru dalam bidang pendidikan dengan menumpukan penggunaan komputer dan teknologi maklumat yang semakin penting.

"Pelajar yang mendapat latihan dan pendidikan dalam bidang ini akan menjadi pemangkin apabila biasa menggunakan alat elektronik," katanya sambil menambah lima kumpulan kerja itu akan dilaksanakan untuk jangka pendek, pertengahan dan jangka panjang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelaksanaan itu adalah langkah bagi mempersiapkan rakyat dan keupayaan negara untuk menerima serta menggunakan elektronik selaras pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Serentak itu, beliau meminta JPA, Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) memberi kerjasama dengan memberi peruntukan yang diperlukan dalam belanjawan tahun untuk melaksanakan rancangan berkenaan.

"Setakat ini, kita belum memerlukan peruntukan tambahan tetapi apabila rancangan bermula, ia memerlukan belanjawan pembangunan termasuk pegawai yang akan dilantik.

"Apa yang dilaksanakan kerajaan bukan projek singkat tetapi mengambil masa untuk mencapai matlamat mewujudkan e-Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah menjelaskan peruntukan yang disediakan setakat ini mencukupi untuk melaksanakan lima kumpulan kerja yang diputuskan NITC yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Perhimpunan Raksasa dan Penyampaian Persatuan Seni Silat Lincak Malaysia (PSSLM) peringkat kebangsaan di Padang Kota, Pulau Pinang, Ahad ini.

Presiden PSSLM, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata selain menyampaikan ijazah dan penganugerahan darjat tertinggi Perguruan Seni Silat Lincak serta bacaan ikrar taat setia kepada pemimpin, perhimpunan itu bertujuan membina perpaduan ummah dan menanam rasa sayang setiap anggota masyarakat terhadap warisan bangsa.

(END)